



PENDUDUK membuat jambatan dengan menggunakan buloh di rumahnya di Kampung Tersang.



PARAS air di Sungai Golok sudah melepasi paras bahaya 9.58m.



OGU (kiri) ketika melawat mangsa banjir di Sekolah Kebangsaan Kompleks Gong Badak.

850,000 JPAM diletak keadaan berjaga-jaga

Kuala Nerus: Seramai 850,000 anggota Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) diletak dalam keadaan berjaga-jaga menghadapi banjir di beberapa negeri yang berisiko terutamanya pantai timur.

Ketua Pengarah JPAM Ogu Salim Omar berkata, jumlah itu termasuk anggota tetap, sukarelawan dan Kor Siswa Siswi (SISPA) yang diberi latihan asas serta menyelamat secara bertenangan bermula sejak Julai lalu.

"JPAM mempunyai kekuatan anggota yang cukup untuk menjalankan tugas menyelamat dan memindah mangsa banjir.

"Mereka turut diberi latihan secukupnya bagi menghadapi situasi luar jangka. Untuk tempoh tiga jam pertama sahaja, kita mampu menggerakkan kira-kira 11,800 anggota dan 30,000 bagi tempoh 24 jam sehinggalah kepada jumlah yang diperlukan.

"Selain itu, kita turut melatih orang awam melalui komuniti Jawatankuasa

Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) untuk memberi bantuan awal," katanya selepas menghadiri Simulasi Pengurusan Banjir Zon Timur 2015, di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah JPAM Terengganu Leftenan Kolonel (PA) Che Adam A Rahman dan Pengarah JPAM Kelantan Leftenan Kolonel (PA) Zainuddin Hussin.

Lebih 100 orang terbabit dalam simulasi itu termasuk orang awam serta anggota dan pegawai JPAM dari Terengganu, Kelantan, Pahang dan Sarawak.

Simulasi itu bertujuan menilai kemampuan dan kemahiran Operasi Mencari dan Menyelamat (SAR), anggota dan meningkatkan kemahiran membaca peta serta data berkaitan ketika menghadapi situasi banjir.

Menurut Ogu Salim, JPAM juga mempunyai aset serta kelengkapan cukup termasuk 276 pelbagai jenis bot, 106 buah lori dan 196 kenderaan pacuan empat roda di seluruh negara.



GERAK ASET TENTERA

■ **ATM sedia 28,593 anggota, pegawai hadapi bencana**

Oleh Asmah Rusman

asmah_rusman@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bersedia menggerakkan 1,572 pegawai dan 27,021 anggota lain-lain pangkat serta 1,487 pelbagai aset ketenteraan bagi menghadapi bencana banjir.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Hussien berkata, satu jawatankuasa diwujudkan dikenali sebagai Jawatankuasa Induk Pengurusan Bencana untuk mengkoordinat dan memastikan kerja mendapatkan maklumat serta menyalur bantuan banjir dapat dilaksanakan dengan berkesan dan sampai kepada mereka yang memerlukan.

Beliau berkata, mengikut pecahan, seramai seramai 1,484 pegawai lain-lain pangkat dan 26,462 anggota lain-lain pangkat (LLP) Tentera Darat (TD), 57 pegawai



“ Kami bersedia dalam segala aspek berdasarkan pengalaman ketika bencana banjir di Pantai Timur tahun lalu”

Hishammuddin Hussien

dan 512 LLP Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) serta 31 pegawai dan 47 LLP Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

"Dari segi atur gerak aset, ATM bersiap sedia dengan 358 bot, 852 trak tiga tan, 25 trak tujuh tan, 118 ambulans, sebuah pesawat C130, sebuah pesawat CN235, sembilan helikopter, 12 kapal laut, lapan bot tempur TLDM CB90, dua set jambatan besi (compact 100 Bridge), 22 set platform terapung dan 79 dapur medan.

"Kami bersedia dengan sebarang kemungkinan dalam segala aspek berdasarkan pengalaman ketika bencana banjir di Pantai Timur tahun lalu," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan taklimat mengenai pengurusan dan persiapan menghadapi banjir di Wisma Pertahanan, Kementerian Pertahanan (KEMANTAH), semalam.

Menurutnya, Bilik Gerakan Operasi Banjir (War Room) bagi memantau situasi banjir seluruh negara sudah diaktifkan

ANGGOTA bomba memberi nasihat kepada penduduk Kampung Lubok Gong yang tinggal berdekatan Sungai Golok supaya berpindah jika air terus naik.



pada 16 November lalu.

"Kita juga memberi peluang kepada orang ramai menyalurkan bantuan dan sumbangan berbentuk barangan dengan menyediakan pusat pengumpulan sumbangan untuk mangsa banjir.

"Setakat ini, sebuah pusat pengumpulan dibuka iaitu Depoh Simpanan Pertahanan (DSP) di Sungai Buloh," katanya.

Katanya, sebanyak 51 kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dikenalpasti di negeri yang sering berlaku banjir selain daripada Kem Wataniah sebagai pusat penempatan sementara mangsa banjir.

"Setiap kem boleh menampung seramai 400 mangsa banjir dan jumlah keseluruhan seramai 20,400 mangsa," katanya.

Beliau berkata, Kementerian Pertahanan sudah mengenal pasti sukarelawan kementerian itu yang boleh digerakkan untuk membantu mangsa banjir seperti sukarelawan Bridged Sukarelawan Khidmat Negara (BSKN), Veteran ATM, Kelab Kakitangan Awam Kemente-

rian Pertahanan (KAKEP), ahli PUSPANITA dan Universiti Pertahanan Nasional (UPNM).


"Sehingga kini, seramai 188 orang berdaftar sebagai sukarelawan 1Mindef Care dan bersedia untuk memberi bantuan kepada mangsa banjir," katanya.



PERSIAPAN ASET TENTERA BAGI MENGHADAPI BANJIR

 **358** BOT

852 TRAK  3 TAN

 **25** TRAK 7 TAN

118 AMBULANS 

 **1** PESAWAT C-130

1 PESAWAT CN 235 

 **9** HELIKOPTER

12 KAPAL LAUT 

 **8** BOT TEMPUR TLDM CB90

2 SET JAMBATAN BESI 

 **22** SET PLATFORM TERAPUNG

72 DAPUR MEDAN SEDIA DIATUR-GERAK 